

PNGK naik 2.65 berbanding 2.62 tahun 2014

# Keputusan STPM meningkat

Oleh JUANI MUNIR ABAKAR

pengarang@utusan.com.my

## ■ PUTRAJAYA 2 MAC

**K**EPUTUSAN Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2015 mencatat peningkatan dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) nasional meningkat sebanyak 2.65 berbanding 2.62 pada tahun 2014.

Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Prof. Datuk Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, bagaimanapun calon yang memperoleh PNGK 4.00 mencatat penurunan 0.11 peratus iaitu 0.80 peratus atau 335 orang berbanding 0.91 peratus atau 390 dalam peperiksaan STPM 2014.

"Peratusan calon STPM 2015 yang mendapat PNGK 3.50 ke atas juga meningkat sebanyak 11.22 peratus atau 4,711 calon daripada 10 peratus atau 4,285 pada tahun lalu.

"Begini juga calon memperoleh PNGK 3.00 ke atas meningkat 33.97 peratus atau 14,263 calon manakala PNGK 2.50 ke atas, PNGK 2.00 ke atas dan lulus penuh dalam lima atau empat mata pelajaran turut meningkat antara 63.02 hingga 84.70 peratus," katanya dalam sidang akhbar pengumuman keputusan peperiksaan STPM 2015, di sini hari ini.

Mohamed Mustafa merangkap Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) menjelaskan, pencapaian lulus penuh calon dalam satu hingga lima pelajaran didapati menurun sebanyak 0.17 peratus iaitu daripada 41,915 pada tahun lalu kepada 40,995 bagi STPM 2015.

Pada masa sama, beliau menjelaskan MPM berups hati dengan pencapaian calon STPM 2015 luar bandar dan bandar apabila jurang telah dirapatkan setelah nilai perbezaan antara kedua-duanya berjaya dikurangkan daripada 0.10 pada tahun lalu kepada 0.06.

"Jika trend ini berterusan, dijangka tiada lagi jurang perbezaan antara calon bandar dan luar bandar dalam peperiksaan STPM akan datang," katanya.

Menurut Mohamed Mustafa, secara keseluruhannya prestasi 22 mata pelajaran yang ditawarkan dalam STPM 2015 meningkat den-



MENTERI Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid (belakang, tengah) dan Mohamed Mustafa Ishak (belakang, dua dari kiri) bersama para penerima Anugerah Pelajar Terbaik STPM 2015 di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFIZ

## info

### BILANGAN CALON STPM 2015: 45,515 ORANG

#### Perbezaan pencapaian calon

	STPM 2015	STPM 2014
1. Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) nasional	2.62	2.65
2. PNGK 4.00	0.91 peratus	0.80 peratus
3. PNGK 3.50 ke atas	10.00 peratus	11.22 peratus
4. PNGK 3.00 ke atas	31.36 peratus	33.97 peratus
5. PNGK 2.50 ke atas	60.50 peratus	63.02 peratus
6. PNGK 2.00 ke atas	83.85 peratus	84.70 peratus
7. Lulus penuh dalam lima atau empat mata pelajar	67.23 peratus	69.14 peratus
8. Lulus penuh dalam satu sehingga mata pelajar	97.81 peratus	97.64 peratus

gan diukur daripada PGNK mata pelajaran iaitu daripada 2.54 kepada 2.58.

"Hanya empat mata pelajar

mencatat Purata Nilai Gred melebihi 3.00 iaitu Literature In English, Sejarah, Ekonomi dan Perakaunan manakala 17 subjek lain tidak beru-

bah dan hanya Bahasa Arab mencatat penurunan," katanya.

Mohamed Mustafa menjelaskan, keputusan diumumkan hari ini bakal memberi peluang yang lebih baik kepada pelajar untuk memohon masuk universiti di dalam dan luar negara kerana ramai calon mendapat PNGK 2.50 ke atas berbanding STPM 2014.

Beliau memberitahu, keputusan itu menunjukkan bahawa hasil kejayaan pelaksanaan sistem pentaksiran STPM terkinin dan dijangka pencapaian calon dalam peperiksaan itu terus meningkat pada masa akan datang.

"Peningkatan peratusan lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran memberikan gambaran bahawa pencapaian calon STPM di sekolah kerajaan semakin baik ekoran langkah Transformasi Tingkatan Enam yang dilaksanakan Kementerian Pendidikan," katanya.